

PENILAIAN ADAT DAN KEPERCAYAAN  
MASYARAKAT BAJAU DARI  
PERSPEKTIF ISLAM



AZMIN BIN PULLONG

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020

**PENILAIAN ADAT DAN KEPERCAYAAN  
MASYARAKAT BAJAU DARI  
PERSPEKTIF ISLAM**

**AZMIN BIN PULLONG**



**UMS**

**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**


JUDUL : **PENILAIAN ADAT DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT BAJAU DARI PERSPEKTIF ISLAM**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**

BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**

Saya **AZMIN BIN PULLONG**, Sesi **2014-2020**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):



(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

---

**AZMIN BIN PULLONG**  
**DU1411001T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 20 Mac 2020

---

(Dr. Halina Sendera Mohd. Yakin)  
Pengerusi


## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

23 Januari 2020

---

Azmin bin Pullong  
DU1411001T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **AZMIN BIN PULLONG**  
NO. MATRIK : **DU1411001T**  
TAJUK : **PENILAIAN ADAT DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT  
BAJAU DARI PERSPEKTIF ISLAM**  
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**  
BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**  
TARIKH VIVA : **23 JANUARI 2020**

**DISAHKAN OLEH;**



**JAWATANKUASA PENYELIAAN**

- 1. PENGERUSI**  
Dr. Halina Sendera Mohd. Yakin

- 2. AHLI JAWATANKUASA**  
Dr. Sarip Adul

- 3. AHLI JAWATANKUASA**  
Dr. Nordi Achie

Tandatangan

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, selawat serta salam ke atas baginda Rasulullah SAW, seluruh keluarganya, para sahabatnya dan seluruh muslimin dan muslimat sama ada yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia. Ucapan syukur tidak terhingga dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah anugerah-Nya, kajian ini dapat diselesaikan mengikut apa yang dirancangkan. Sekalung penghargaan kepada pihak Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), ketua-ketua adat, Ketua-ketua Kampung dan para responden atas kerjasama baik sepanjang kajian ini dijalankan. Dalam kesempatan ini juga, pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi perhargaan dan terima kasih buat barisan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan iaitu Dr. Halina Sendera Mohd. Yakin, Dr. Sarip bin Adul dan Dr. Nordi bin Achie. Tiga individu ini amat berjasa dalam hidup pengkaji. Terima kasih di atas kesudian menyelia, menyumbang idea, memberi tunjuk ajar, menasihat, menyokong dan menegur sepanjang bergelar anak didik, pelajar dan adik sehingga kajian ini dapat diselesaikan. Doa pengkaji, semoga kehidupan mereka sentiasa dalam keadaan sihat wal'afiat, bahagia di sisi keluarga tercinta dan cemerlang dalam kerjaya sebagai sarjana, pendidik dan murabbi yang ulung. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada warga Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) terutamanya Unit Pascasiswazah PPIB, Universiti Malaysia Sabah yang banyak menyumbangkan idea bernalas, komentar yang membina, nasihat dan saranan yang baik agar kajian ini berjaya diselesaikan. Penghargaan yang tidak terhingga kepada dua insan istimewa, ibunda tercinta Hjh. Bunga Bunglui binti Walil dan ayahanda tersayang Hj. Pullong bin Masdal yang tidak pernah berputus asa berdoa, menyokong dan mendorong pengkaji agar terus berjuang dalam medan akademik. Doa pengkaji agar kehidupan ibunda dan ayahanda sentiasa dirahmati Allah SWT dunia dan akhirat. Tidak dilupakan, ibu dan ayah mertua yang paling dihormati dan disegani, ummi Faizah Abdullah dan ayah Mohd Janis yang sentiasa memberi semangat, sokongan dan dorongan sepanjang perjuangan ini. Semoga dua insan mulia ini sentiasa dilimpahi keredhaan Allah SWT dunia dan akhirat. Teristimewa buat isteri tercinta, Saadiah binti Mohd Janis, terima kasih tidak terhingga diucapkan kerana sentiasa di sisi, memberi semangat dan menyokong untuk mengorak langkah mencapai impian. Buat puteri kesayangan, Nur Zinnirah Azzahra, sesungguhnya engkaulah penyeri, penghibur, penguat semangat dan penguat kasih sayang. Kehadiranmu amat bermakna dalam kehidupan ini. Buat ahli keluarga, jutaan terima kasih kerana terus memberi sokongan moral dalam medan perjuangan ini. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada warga Sk. Ongkilan Kota Marudu, Sabah terutamanya pihak pentadbir yang amat berdedikasi, bertoleransi dan amat memahami tugas pengkaji sebagai seorang pelajar. Semoga jasa dan budi mereka diganjari dengan kebaikan.

Azmin Bin Pullong  
23 Januari 2020

## **ABSTRAK**

Adat dan kepercayaan disifatkan sebagai identiti suatu bangsa. Pengamalannya tampil sebagai medium dalam mengekpresikan pandang dunia para pendukungnya. Seiring pengamalan adat dan kepercayaan, pengamalan agama dilihat turut menjadi pencorak kepada landskap kehidupan masyarakat. Pengamalan kedua-dua entiti tersebut secara tidak langsung memaparkan kewujudan pengaruh antara satu sama lain. Impaknya, berlaku campur aduk antara agama dan adat sehingga menatijahkan pelbagai polemik dalam masyarakat seperti yang berlaku dalam konteks masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. Oleh yang demikian, kajian ini difokuskan kepada adat dan kepercayaan masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah yang dilihat dari sudut pandang Islam. Objektif kajian ini ialah mengkaji adat dan kepercayaan masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. Di samping itu, adat-adat tersebut perlu dianalisis berdasarkan beberapa instrumen atau sumber-sumber yang berautoriti dalam Islam seterusnya menentukan status adat terbabit sama ada mempunyai sandaran atau sebaliknya. Dalam pada itu, kajian ini diusahakan untuk merencanakan beberapa langkah penyesuaian dan penyelesaian terhadap adat dan kepercayaan yang dikesan bercanggah dengan Islam. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu kaedah temu bual (24 orang informan) dan observasi turut serta. Data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini mendapati, masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah masih mengamalkan pelbagai adat dan kepercayaan yang diwarisi sejak turun-temurun seperti adat *nimbang*, adat *ngerak* dan adat *bangkai-bangkaian*. Pengamalan adat dan kepercayaan ini didorong oleh pelbagai faktor terutamanya tuntutan kepercayaan, sosial dan agama sehingga memperlihatkan keceluaran pada aspek status pengamalannya dalam Islam. Kajian ini turut mendapati beberapa amalan adat dan kepercayaan dalam masyarakat Bajau adalah bercanggah dengan syariat Islam yang memerlukan pengubahsuaian pada aspek kepercayaan mahupun pelaksanaan adatnya. Oleh yang demikian, kajian ini menampilkan pelbagai langkah penyesuaian dan penyelesaian secara komprehensif yang direncanakan berdasarkan situasi sebenar kelompok sasaran yang tampil sebagai model dakwah alternatif. Langkah-langkah penyesuaian dan penyelesaian tidak melibatkan penghapusan adat dan kepercayaan secara total, akan tetapi lebih berkonsepkan pengubahsuaian agar ia tampil sebagai amalan mesra syariat. Dapatkan ini boleh dimanfaatkan oleh badan-badan dakwah terutamanya pihak jabatan agama Islam dalam usaha dakwah membanteras amalan adat dan kepercayaan yang bercanggah dengan syariat Islam.

## **ABSTRACT**

### **EVALUATION OF TRADITIONS AND BELIEFS OF THE BAJAU COMMUNITY FROM THE ISLAMIC PERSPECTIVE**

*Customs and beliefs shape the identity of a race, which are used by their exponents as mediums to express their world views. Religious practices, together with customary practices and beliefs, shape the landscape of a community's life. The practices of both entities indirectly reflect their influence on each other. As a result, the integration of religion and custom has formed a variety of polemics in a community, as seen within the context of the Bajau community in Kota Belud, Sabah. This study focuses on the customs and beliefs of the Bajau community in Kota Belud, Sabah from the perspective of Islam. The objective of this research is to investigate the customs and beliefs of the Bajau community in Kota Belud, Sabah. Bajau customs were analysed using instruments or resources authorised in Islam, and the status of these customs, as to whether they had evidential support, was determined. This study was undertaken to document the list of adjustments and solutions for customs and beliefs that were contradictory to Islam. This qualitative study adopted two methods of data collection namely interview (24 informants) and observation. Data was analysed using content analysis. The findings showed that the Bajau community in Kota Belud, Sabah still practises a variety of customs and beliefs inherited from past generations such as the nimbang, ngerak and bangkai-bangkaian customs. These customary practices and beliefs were guided by multiple factors particularly belief, social and religious demands, which led to their distorted practices in Islam. This study also found that some of the customary practices and beliefs conflicted with Islamic shariat, which required modifications in their practice. Therefore, this study presents a comprehensive list of adjustments and solutions based on a target group that represents an alternative missionary model. The aforementioned list does not involve the abolishment of customs and beliefs as a whole but proposes adjustments that are more shariat-compliant. These findings may benefit dakwah bodies, especially the Islamic religious department, in their efforts to halt customary practices and beliefs that contradict with Islamic syariat.*

## **SENARAI KANDUNGAN**

Halaman

<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop dan Batasan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Sorotan Kajian	8

1.8	Metode Kajian	20
1.9	Susunan Bab	23
<b>BAB 2 : LANDASAN TEORITIKAL DAN KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN</b>		
2.1	Pengenalan	26
2.2	Konsep Budaya	27
2.2.1	Budaya dari Perspektif Sarjana Barat	28
2.2.2	Budaya dari Perspektif Sarjana Islam	31
2.2.3	Budaya dari Perpektif Sarjana Melayu/Nusantara	33
2.2.4	Hubungan Budaya, Adat dan Kepercayaan	35
2.3	Konsep Adat dalam Konteks Masyarakat Melayu	36
2.3.1	Kategori Adat	38
2.3.2	Adat dalam <i>worldview</i> Melayu	40
2.3.3	Hubungan Konsep Adat dan Objek Kajian	43
2.3.4	Pola Kepercayaan Masyarakat Alam Melayu	45
2.4	Landasan Teoritikal Berdasarkan Akidah dan Syariat Islam	49
2.5	Sumber-Sumber Perundangan Islam	57
2.5.1	Al-Quran	57
2.5.2	Hadis/Sunnah	60
2.5.3	Ijmak	63
2.5.4	<i>Qiyās</i>	65
2.5.5	<i>Al-Istīḥsān</i>	68
2.5.6	<i>Maṣāliḥ Al-Mursalah</i>	69
2.5.7	<i>Istishāb</i>	71
2.5.8	<i>Sad Al-Dharā'i</i>	72
2.5.9	<i>Al-'Urf</i>	73
2.5.10	<i>Qaul Ṣaḥābi</i>	74
2.5.11	<i>Shar' u Man Qablanā</i>	74
2.6	Sumber-Sumber Perundangan Islam Sebagai Instrumen Analisis	75
2.7	Perkara-Perkara yang Membatalkan Akidah	76
2.7.1	Syirik	77
2.7.2	Bidaah	81
2.7.3	Khurafat	84

2.8	Kerangka Konseptual Kajian	85
2.9	Kesimpulan	88

### **BAB 3 : MASYARAKAT BAJAU DAN LATAR LOKASI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	90
3.2	Asal-Usul Masyarakat Bajau	91
3.3	Identifikasi Bajau	94
3.4	Taburan Bajau Di Sabah	96
3.5	Masyarakat Bajau Di Kota Belud	98
3.6	Pegangan Agama Masyarakat Bajau Di Kota Belud	101
3.7	Bahasa dan Identifikasi Bajau Pantai Barat Sabah	102
3.8	Organisasi Sosial Bajau Di Kota Belud	104
3.9	Sistem Ekonomi Bajau Di Kota Belud	106
3.10	Latar Lokasi Kajian	110
3.10.1	Kampung Siasai Kumpang	111
3.10.2	Kampung Sembirai	112
3.10.3	Kampung Bobot	113
3.10.4	Kampung Taun Gusi	114
3.10.5	Kampung Lebak Engad	115
3.10.6	Kampung Lingkodon	116
3.11	Kesimpulan	117

### **BAB 4 : ADAT DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT BAJAU DI KOTA BELUD,SABAH**

4.1	Pengenalan	118
4.2	Adat-Adat Kelahiran	119
4.2.1	Adat <i>Nimbang</i> (Menimbang Anak)	119
4.2.2	Adat <i>Bejogo</i> (Berjaga)	123
4.2.3	Adat Mencukur Rambut	124
4.2.4	Nazar	125

4.3	Adat-Adat Perkahwinan	127
4.3.1	Adat <i>Ngerasi</i> (Meramal Jodoh)	128
4.3.2	Adat Mas Kahwin	136
4.3.3	Adat Keturunan <i>Kindangan</i>	139
4.3.4	Ritual <i>Ngerak</i>	140
4.3.5	Ritual <i>Tinggayun</i>	143
4.4	Adat-Adat Kematian	149
4.4.1	Adat <i>Balu-Balu</i> (Adat Memberitakan Kematian)	150
4.4.2	Bunga Jenazah	151
4.4.3	Adat <i>Pesuk</i>	154
4.4.4	<i>Guris</i> dan <i>Perabun</i>	155
4.4.5	Kelambu dan Payung Jenazah	159
4.4.6	<i>Bangkai-Bangkaian</i> dan <i>Bejogo</i> (Berjaga)	162
4.4.7	Menjaga Kubur	165
4.4.8	<i>Mangan Bangi</i>	167
4.4.9	<i>Duang</i> dan <i>Ngeduang</i>	168
4.5	Kepercayaan-Kepercayaan Tradisi	171
4.5.1	Kenduri <i>Reba Awal</i>	172
4.5.1.1	Upacara <i>Ngalai</i>	172
4.5.1.2	Penyediaan Makanan di Tebing Sungai	178
4.5.1.3	Kenduri di Halaman Rumah	181
4.5.2	Kenduri <i>Reba Akhir</i>	188
4.5.2.1	Penyediaan Makanan Makhluk Halus	189
4.5.2.2	Bacaan Tahlil dan Doa Selamat	190
4.5.2.3	Menghanyutkan <i>Ajung</i>	192
4.5.2.4	Mandi <i>Selamun</i>	196
4.6	Kesimpulan	198

## **BAB 5 : PENILAIAN ADAT DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT BAJAU DI KOTA BELUD DARI PERSPEKTIF ISLAM**


5.1	Pengenalan	201
5.2	Analisis Adat-Adat Kelahiran	202
5.2.1	Analisis Adat <i>Nimbang</i> (Menimbang Anak)	202
5.2.2	Analisis Adat <i>Bejogo</i> (Berjaga)	205
5.2.3	Analisis Adat Nazar	211
5.2.4	Analisis Adat Mencukur Rambut	217

5.3	Analisis Adat-Adat Perkahwinan	222
5.3.1	Analisis Adat <i>Kindangan: Ngerak</i> dan <i>Tinggayun</i>	222
5.3.2	Analisis Adat <i>Ngerasi</i> (Meramal Jodoh)	230
5.3.3	Analisis Adat Mas Kahwin	234
5.4	Analisis Adat-Adat Kematian	239
5.4.1	Analisis Adat <i>Balu-Balu</i> (Mengumumkan Kematian)	240
5.4.2	Analisis Bunga Jenazah	244
5.4.3	Analisis <i>Mangan Bangi</i> (Tahlil dan Doa Selamat)	249
5.4.4	Analisis Adat <i>Duang</i> dan <i>Ngeduang</i>	252
5.4.5	Analisis Adat <i>Pesuk, Bangkai-Bangkaian</i> dan <i>Bejogo</i> (Berjaga)	257
5.4.6	Analisis Adat <i>Guris</i> dan <i>Perabun</i>	262
5.4.7	Analisis Kelambu dan Payung Jenazah	268
5.4.8	Analisis Adat Menjaga Kubur	272
5.5	Analisis Kepercayaan-Kepercayaan Tradisi	275
5.5.1	Analisis Kepercayaan Tradisi Bulan Safar	276
5.5.2	Analisis Kepercayaan Tradisi <i>Ngalai</i>	278
5.5.3	Analisis Membaca Tahlil, Doa Selamat dan Mandi <i>Selamun</i>	281
5.5.4	Analisis Kepercayaan Tradisi Menjamu Makhluuk Halus dengan Makanan	283
5.6	Kesimpulan	287

## **BAB 6 : LANGKAH-LANGKAH PENYESUAIAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN MENGENAI ADAT DAN KEPERCAYAAN YANG BERCANGGAH DENGAN ISLAM**

6.1	Pengenalan	289
6.2	Konsep Dakwah	290
6.2.1	Saranan Berdakwah dalam Al-Quran dan Al-Sunnah	291
6.2.2	Senario Dakwah Semasa di Kota Belud	295
6.3	Pendekatan Kaunseling Islam	299
6.3.1	Konsep Kaunseling Islam	300
6.3.2	Hubungan Dakwah dan Kaunseling Islam	303
6.3.3	Pelaksanaan Kaunseling Islam dalam Dakwah	306
6.4	Pendekatan Pendidikan Santai	308
6.5	Pendekatan Hibur, Pimpin dan Ubah Suai	314

6.6	Pendekatan Cakna, Pimpin dan Ubah Suai	320
6.7	Pendekatan Partisipasi, Pimpin dan Ubah Suai	327
6.8	Kesimpulan	335
<b>BAB 7 PENUTUP</b>		339




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI JADUAL**

Halaman

Jadual 4.1: Rumusan Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau di Kota Belud	200
Jadual 7.1: Rumusan Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau di Kota Belud dari Perspektif Islam	350



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## **SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 2.1: Kebudayaan dari Perspektif Sarjana Barat	31
Rajah 2.2: Kebudayaan dari Perspektif Sarjana Islam	32
Rajah 2.3: Budaya dari Perspektif Sarjana Melayu/Nusantara	35
Rajah 2.4: Konsep Budaya Secara Menyeluruh	36
Rajah 2.5: Hubungan Konsep Adat dan Objek Kajian	44
Rajah 2.6: Landasan Teoritikal Kajian	55
Rajah 2.7: Sumber-Sumber Perundangan Islam Sebagai Instrumen Analisis	75
Rajah 2.8: Kerangka Konseptual Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau dari Perspektif Islam	86
Rajah 3.1: Populasi Penduduk Sabah Tahun 2014	97
Rajah 4.1: Amalan <i>Ngerasi</i> yang Baik	130
Rajah 4.2: Amalan <i>Ngerasi</i> yang Tidak Baik	131
Rajah 4.3: Amalan <i>Ngerasi</i> Dua Kemungkinan Baik dan Buruk	132
Rajah 6.1: Hubungan Dakwah dan Kaunseling Islam	303
Rajah 6.2: Proses Pendidikan Santai	310
Rajah 6.3: Proses Pendekatan Hibur, Pimpin dan Ubah Suai	314
Rajah 6.4: Proses Pendekatan Cakna, Pimpin dan Ubah Suai	321
Rajah 6.5: Proses Pendekatan Partisipasi, Pimpin dan Ubah Suai	328
Rajah 6.6: Model Dakwah Alternatif Sebagai Signifikan Kajian	336

## SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 4.1: Helaian <i>Taj al-Muluk</i>	133
Foto 4.2: Contoh Lukisan dalam <i>Taj al-Muluk</i>	134
Foto 4.3: Upacara Nikah Berdiri Dilangsungkan	138
Foto 4.4: Pengantin Sedang Makan Tebu Manis	142
Foto 4.5: Ayam Disembelih oleh Ketua Adat	142
Foto 4.6: Pengantin Perempuan Memijak Darah	143
Foto 4.7: Pengantin Berpusing Bersama Para Tetamu	146
Foto 4.8: Tetamu berpusing sambil menyanyikan lagu <i>Tinggayun</i>	146
Foto 4.9: Mayang Pinang Diletakkan di Atas Keranda	153
Foto 4.10: Mayang Pinang Ditabur di atas Pusara	153
Foto 4.11: Lakaran <i>Guris Fadamda</i>	157
Foto 4.12: Lakaran <i>Guris Ayat Sembilan</i>	158
Foto 4.13: <i>Perabun Simpul Lapan</i>	158
Foto 4.14: Pengendali Adat sedang Memasang <i>Perabun</i>	159
Foto 4.15: Imam sedang Memasang Kelambu	161
Foto 4.16: Kelambu Siap Dipasang	161
Foto 4.17: <i>Bangkai-Bangkaian</i>	165
Foto 4.18: <i>Duang</i> Sebelum Diagihkan	170
Foto 4.19: <i>Duang</i> Diagihkan kepada Tetamu	170
Foto 4.20: Ritual Menyeru Makhluk Halus	174
Foto 4.21: Mahligai Makhluk Halus	175
Foto 4.22: Alat Muzik <i>Tigam</i>	175
Foto 4.23: <i>Letup</i> dan Telur Rebus	176
Foto 4.24: Makanan Dihidang di atas Pokok	178
Foto 4.25: Makanan Dibungkus Menggunakan Daun Pisang	179
Foto 4.26: Sungai Kg. Lingkodon	180
Foto 4.27: Bendera Makhluk Halus	180
Foto 4.28: Makanan Disediakan dalam Bentuk <i>Duang</i>	182
Foto 4.29: Makanan Dibungkus Menggunakan Daun Pisang	183

Foto 4.30:	Makanan Disediakan di atas Pokok	184
Foto 4.31:	Bendera Makhluk Halus	184
Foto 4.32:	Wang <i>Kifarat</i> , Beras dan Kemenyan	185
Foto 4.33:	Wakil Penduduk Kampung Menyerahkan <i>Kifarat</i>	186
Foto 4.34:	Kenduri Sedang Berlangsung	187
Foto 4.35:	Bacaan Doa Selamat Oleh <i>Fakir</i> (Imam)	187
Foto 4.36:	Makanan Dihidang di atas Pokok	189
Foto 4.37:	Bendera Berwarna Dipacakkkan	190
Foto 4.38:	Penyerahan <i>Kifarat</i> kepada <i>Fakir</i>	191
Foto 4.39:	Bacaan Doa Selamat	192
Foto 4.40:	Rangka <i>Ajung</i> sebelum Dihias	194
Foto 4.41:	Proses Menghias dan Memuatkan Makanan	194
Foto 4.42:	Proses Menyeru Makhluk Halus	195
Foto 4.43:	<i>Ajung</i> Dihanyutkan	195
Foto 4.44:	Daun Kelapa Bertulis Ayat Al-Quran	196
Foto 4.45:	Daun Kelapa Direndam Bersama Daun <i>Temali-Mali</i>	197
Foto 4.46:	Ketua Adat Merenjisikan Air <i>Selamun</i>	197
Foto 4.47:	Tetamu Membasuh Muka dan Kepala	198



UNIVERSITI  
UMS  
MALAYSIA SABAH

## **SENARAI SINGKATAN**

NGO	-	Non Government Organisation
JKKK	-	Jawatankuasa Keselamatan Kampung
JHEAINS	-	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
YADIM	-	Yayasan Dakwah Islam Malaysia
KEMAS	-	Jabatan Kemajuan Masyarakat
SWT	-	Subahanahu Wata'ala
RA	-	Radi Allahu 'Anhu
SAW	-	Sallallahu 'Alaihi Wasallam
SBBU	-	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
KBBU	-	Kerajaan Berpiagam Borneo Utara
UMS	-	Universiti Malaysia Sabah
KM	-	Kilometer
IKS	-	Industri Kecil Sederhana
AJK	-	Ahli Jawatankuasa
KAFA	-	Kelas Al-Quran dan Fardu Ain
Hj.	-	Haji
Dr.	-	Doktor
Bil.	-	Bilangan
Kg.	-	Kampung
Jil.	-	Jilid
Sdn. Bhd	-	Sendirian Berhad
Et. al,	-	Dan Rakan-Rakan
T.th	-	Tanpa Tahun
Op. Cit	-	Opere Citato



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	,	سَالٌ	sa'ala
ب	b	بَدْلٌ	badala
ت	t	تَمْرٌ	tamr
ث	th	ثُورَةٌ	thawrah
ج	j	جَمَالٌ	jamāl
ح	h	حَدِيثٌ	hadīth
خ	kh	خَالِدٌ	khālid
د	d	دِيْوَانٌ	dīwān
ذ	dh	مَذْهَبٌ	madhhab
ر	r	رَحْمَنٌ	rahman
ز	z	زَمْزَامٌ	zamzam
س	s	سَرَابٌ	sarāb
ش	sh	شَمْسٌ	shams
ص	s	صَبْرٌ	ṣabr
ض	d	ضَمِيرٌ	damīr
ط	t	طَاهِرٌ	tāhir
ظ	z	ظَهَرٌ	ẓuhr
ع	c	عَبْدٌ	‘abd
غ	gh	غَيْبٌ	ghayb
ف	f	فَقِهٌ	fiqh
ق	q	قَاضِيٌّ	qādī
ك	k	كَأسٌ	ka's
ل	l	لَبَنٌ	laban
م	m	مَزْمَارٌ	mizmār
ن	n	نَوْمٌ	nawm

ه	h	هبط	Habata
و	w	وصل	wasala
ي	y	يسار	yasār

*Vokal Pendek*

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	Contoh Transliterasi
أ	a	فَعَلَ	Fa <sup>c</sup> ala
إِ	i	حَسِيبٌ	hasiba
ُ	u	كُتُبٌ	kutiba

*Vokal Panjang*

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	Contoh Transliterasi
ا ، ئى	a	كاتب ، قضى	kātib, qada
ي	i	كريم	karīm
و	u	حروف	hurūf


*Diftong*

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	Contoh Transliterasi
ؤ	aw	قول	qawl
ئي	ay	سيف	sayf
ي	iyy/i	رجعي	raj <sup>c</sup> iyy / raj <sup>c</sup> i
و	uww/u	عدو	‘aduw <sup>c</sup> / ‘adu

## **SENARAI LAMPIRAN**

Halaman

Lampiran A:	Contoh Soalan Temu Bual	378
-------------	-------------------------	-----



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Adat dan kepercayaan disifatkan sebagai lambang identiti sebuah bangsa. Tuntutan pelaksanaannya menjadi prioriti penting dalam usaha memelihara dan mengekalkan keasliannya. Negeri Sabah terkenal dengan pluraliti penduduk yang merangkumi 35 kumpulan etnik (Saidatul Nornis Mahali, 2014: 4). Situasi ini mengundang kepelbagaian adat dan kepercayaan yang sudah pastinya turut berbeza. Kepelbagaian kumpulan etnik di Sabah turut mencuri perhatian para peminat kajian etnografi dalam dan luar negara dalam pelbagai aspek. Antaranya Appell (1968) yang mengkaji tentang bahasa etnik Dusun, Brown (1971) meneliti etnik Brunei dan Bajau, Yap Beng Liang (1993) meneroka kumpulan etnik Bajau pantai barat dan pantai timur Sabah, Saidatul Nornis Mahali (1999) memfokuskan kajian tentang etnik Bajau pantai barat Sabah, Siti Aidah Lukin (2007) mengkaji kumpulan etnik Bisaya, Jusman Aman (2007) mengkaji kumpulan etnik Idahan dan Ismail Ibrahim (2007) menfokuskan kajian kelompok Bajau di pantai timur Sabah. Kajian terhadap etnik Bajau di Sabah bukan suatu perkara yang baharu. Umumnya, fokus kajian yang telah dilaksanakan terhadap kumpulan etnik ini termasuklah aspek asal-usul, sejarah kemunculan di Sabah, sosiobudaya, bahasa, pemikiran dan kesenian. Jika ditelusuri secara mendalam, walaupun banyak kajian telah dijalankan, namun masih terdapat kelompangan yang membuka ruang untuk kumpulan etnik ini terus dikaji. Kelompangan yang dimaksudkan merujuk kepada pengamalan adat dan kepercayaan dari perspektif Islam. Oleh itu, bab ini akan menghuraikan pengenalan, permasalahan, objektif, skop dan batasan, metodologi, kepentingan dan sorotan kajian.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Aqidah merupakan keyakinan individu beragama. Dalam Islam, akidah disifatkan sebagai suatu simpulan yang terikat rapi dan kukuh dalam hati, dibenarkan dengan kata-kata dan dibuktikan menerusi amalan kehidupan. Secara asasnya, akidah merupakan kriteria terpenting yang mendasari setiap gerak geri individu Muslim yang seterusnya mampu menjadi benteng kukuh menghadapi apa-apa sahaja cabaran kehidupan (Sabiruddin, 2012: 106). Prioriti akidah sebagai landasan utama Islam dibuktikan dengan fokus Rasulullah SAW dalam dakwah di Mekah selama tiga belas tahun yang berorientasikan pengukuhan aspek akidah Islam. Matlamatnya adalah ajakan kepada keimanan kepada Allah SWT yang Esa di samping menentang teologi syirik.

Aqidah adalah keyakinan yang bersifat suci dari hati yang disimpul kukuh perasaan cinta yang mutlak hanya kepada Allah SWT tanpa ada sebarang pencemaran terhadap kesuciannya (Jasni Sulong, 2016: 4). Menyingkap landskap akidah masyarakat Melayu suatu ketika dahulu, awalnya ia telah dicorakkan oleh kepercayaan animisme yang menganggap semua benda atau objek yang wujud mempunyai roh, semangat dan karekternya yang tersendiri (Hamidah Abdul Wahab, 2013: 90). Di samping itu, mereka turut mempercayai bahawa alam ini turut dihuni oleh makhluk *supernatural* yang boleh mempengaruhi kehidupan manusia. Kesan dari kepercayaan ini maka lahirlah pelbagai pantang larang dan kepercayaan yang melibatkan penyeruan dan pemujaan roh atau semangat.

Situasi ini tampil sebagai kawalan sosial yang memandu cara hidup masyarakat suatu ketika dahulu (Skeat, 1990: 67). Dalam pada itu, pegangan dinamisme turut mencorak landskap kehidupan mereka dengan kepercayaan semangat dan roh yang menghuni semua benda di alam ini mampu memberi kesan baik dan buruk kepada manusia. Dengan ini lahirlah komunikasi manusia dengan makhluk ghaib yang digunakan sebagai magis yang memaparkan pelbagai upacara ritual pemujaan dan sebagainya (Sharifah Sofiah, 2003: 113). Dalam situasi sedemikian, kemunculan agama Hindu tampil sebagai pengukuh pegangan masyarakat lantaran wujudnya keserasian antara keduanya.